

17 Apr 2011 12:53pm



Anda patut menyokong **MerdekaReview** kerana ia dikendalikan oleh para *leng chai* dan *leng loi* yang punya wibawa dan semangat!

----- Amir Muhammad



UTAMA ANALISA KOLUM KALEIDOSKOP PANDANGAN EKSKLUSIF KHAS GALERI GAMBAR CARI 中文版 RSS

Utama &gt; News &gt; Pandangan

Share | Facebook | Twitter | Print | RSS

[Program Langganan Sukarela](#)

Like Confirm

Cetak Kongsii Saiz Teks: k s B

## AWER: Kepentingan untuk Sabah dan Sarawak dikawalselia di bawah WSIA

| Apr 14, 2011 11:54:44 am

Pandangan

Pada masa ini, Negeri Sabah dan Sarawak tidak dikawalselia di bawah Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (WSIA). Ini telah menyebabkan kedua-dua negeri ini menghadapi cabaran dan kesukaran untuk menambahbaik industri perkhidmatan air. Tambahan pula, keperluan untuk membina infrastruktur perkhidmatan air tambahan sebanyak 40% untuk menampung keperluan kawasan pedalaman akan memerlukan modal pelaburan yang tinggi. Maka, pelaksanaan "*Asset-Light Model*" di Sabah dan Sarawak dapat membantu kedua-dua negeri ini untuk meningkatkan liputan perkhidmatan air serta kualiti bekalan air.



Berbandukan penunjuk prestasi perkhidmatan seperti yang dilaporkan oleh *Malaysia Water Industry Guide 2010*, liputan perkhidmatan air di pedalaman bagi Sabah dan Sarawak bagi tahun 2009 adalah 52.3% dan 61.5% masing-masing.

Antara justifikasi mengapa Sabah dan Sarawak perlu dikawal

selia:

I. Kos Perbelanjaan Modal yang tinggi diperlukan untuk mencapai liputan bekalan air yang luas. Dalam situasi ini, pelaksanaan "*Asset-Light Model*" dapat membantu kedua-dua kerajaan negeri untuk mengurangkan impak kos pembangunan infrastruktur air kepada tarif.

II. Beban hutang pada operator air/kerajaan negeri akan mengalihkan tumpuan mereka untuk meningkatkan kualiti dan perkhidmatan bekalan air. Maka, agensi

### Terkini

- [Slogan "Tangkap Taib Mahmud" kedengaran Patuhilah Perjanjian Damai Hatyai, benarkan Chin Peng pulang](#)
- [PR cipta kemenangan besar Sarawak kini dalam arus perdana politik](#)
- [BN pertahan majoriti 2/3 tanpa sokongan Cina dan bandar](#)
- [Dari PRN Sarawak ke PRU ke-13](#)
- [Penyeberangan BN Persekutuan yang tidak menyenangkan](#)
- [Polis gagal halang 30 ribu banjiri ceramah DAP](#)
- [Mengapa Sarawak menjadi sedemikian rupa?](#)
- [Isu roboh pentas ceramah: PR didenda RM200 oleh MBKS](#)
- [Rakyat cabut sebaik konsert tamat di ceramah SUPP](#)

### Antara yang terhangat

- [Pertembungan fizikal berdarah di UPM](#)
- [Wang berlegar antara syarikat Tiong](#)
- [Chua Soi Lek "nasihat" Anwar: Akulah saja kalau benar lelaki dalam video](#)
- [Joshua pengamal media yang baik, puji bosnya](#)
- [Seandainya Setiausaha Agung keluar parti dengan maklumat sulit...](#)
- [Bina Kuasa Rakyat, Kuburkan Hegemoni UMNO](#)
- [Yang miskin subsidi yang kaya](#)
- [Nurul Izzah: Dia bukan Anwar kalau tak berjuang untuk kepercayaannya](#)
- [Penerbit letak jawatan, dedah ntv7 menerima aduan Rosmah](#)
- [Banggakah kita dengan Pavilion Malaysia di Shanghai?](#)

### Galeri Gambar

[Selanjutnya](#)



[砂州州选国际在砂州选情告急](#)

seperti Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) dapat memainkan peranan penting dalam memastikan perkhidmatan bekalan air di Sabah dan Sarawak adalah sentiasa terjamin.

III. Dengan penambahan liputan bekalan air yang hampir 40% di pedalaman Sabah dan Sarawak, kos operasi dan penyelenggaraan seperti penggantian paip akan meningkat dengan mendadak. Maka, ia adalah wajar untuk memindahkan bebanan liabiliti kepada PAAB mengikut kaedah "Asset-Light Model".

IV. Rakyat Sabah dan Sarawak berhak untuk mendapat bekalan air yang berterusan, selamat dan terjamin dengan mutu perkhidmatan yang sama taraf dengan negeri-negeri lain. Maka, agensi kawalselia peringkat kebangsaan seperti SPAN dapat membantu untuk menjamin kualiti dan perkhidmatan bekalan air di negeri-negeri ini.

AWER mencadangkan bahawa Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Unit Perancangan Ekonomi, kerajaan negeri Sabah dan kerajaan negeri Sarawak perlu menjalankan kajian kebolehlaksanaan (*feasibility*) untuk cadangan mengawalselia industri perkhidmatan air di kedua-dua negeri ini melalui WSIA dan implikasi kaedah "Asset-Light Model" kepada Sabah dan Sarawak.

Satu pelan dan strategi yang jelas perlu digariskan untuk memastikan kedua-dua negeri ini dapat mengikuti sama proses penstrukturan semula industri perkhidmatan air negara. Kerajaan negeri Sabah dan Sarawak juga mesti melakukan persediaan dengan operator air untuk memastikan proses pemindahan yang berkesan dan lancar.

Air adalah keperluan asas, bebanan kepada kerajaan perlu ditangani dengan cermat supaya semua pelusuk rakyat dapat menikmati bekalan air yang bersih dan berterusan.

\*Kenyataan media oleh Piarapakaran S. (gambar kanan) selaku Presiden Persatuan Penyelidikan Air dan Tenaga Malaysia (AWER).



JOIN US AT:



Merdeka Review BM Fans Club on Facebook



You like Merdeka Review BM Fans

Merdeka Review BM Fans Club on Facebook

Like Confirm

2,098 people like Merdeka Review BM Fans Club. 2,097 people like Merdeka Review BM Fans Club.

Facebook social plugin

### Kartun



[Selepas Tsunami \(With Mandarin Subtitles\)](#) from Pusat KOMAS on Vimeo.

sebelumnya:

[Patuhilah Perjanjian Damai Hatyai, benarkan Chin Peng pulang](#)

seterusnya:

[Slogan "Tangkap Taib Mahmud" kedengaran](#)

[CARI Diy Day Banner](#)

Advertise here ( [RM10/day](#) )

Advertise here ( [RM10/day](#) )

[CARI Diy Day Banner](#)

[Kenali Kami](#) | [Hubungi Kami](#)

2005-2009©Knowledge Venture Sdn Bhd - 独立新闻在线. 版权所有

[艾堤科技 I-Tea Technology 网站设计](#)

Hosted by [lpserverone.com](#)